

# ANALISIS TRANSITIVITI PROSES MATERIAL CEROBOK DALAM LAPORAN BERITA KONFLIK LAHAD DATU 2013

*(Transitivity Analysis of Material Process Cerobok in the 2013 Lahad Datu Conflict News Report)*

Norhafizah Mohamed Husin<sup>1</sup>  
hafizah@dbp.gov.my

Asmah Haji Omar<sup>2</sup>  
hajiomarasmah@gmail.com

Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur, Malaysia.<sup>1</sup>  
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.<sup>2</sup>

Pengarang Koresponden (Corresponding Author): <sup>1</sup>

Rujukan makalah ini (To cite this article): Norhafizah Mohamed Husin & Asmah Haji Omar. (2023). Analisis transitiviti proses material *cerobok* dalam laporan berita konflik Lahad Datu 2013. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 91–112. [http://doi.org.10.37052/jb23\(1\)no4](http://doi.org.10.37052/jb23(1)no4)

Peroleh: Received:	25/8/2022	Semakan: Revised	7/9/2022	Terima: Accepted:	13/3/2023	Terbit dalam talian: Published online:	18/4/2023
-----------------------	-----------	---------------------	----------	----------------------	-----------	---	-----------

## Abstrak

Kajian ini merupakan analisis linguistik mengenai konflik yang berlaku di Lahad Datu, Sabah pada tahun 2013, seperti yang dilaporkan dalam akhbar. Dengan menggunakan arkib berita dalam talian, kajian kuantitatif dan kualitatif ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur bahasa yang menggambarkan konflik dan melihat kecenderungan membuat tafsiran yang berbeza berdasarkan laporan akhbar yang dipilih, dan melakarkan kecenderungan itu. Teks laporan berita berbahasa Melayu daripada empat buah akhbar, iaitu dua buah akhbar nasional (*Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*) dan dua buah akhbar tempatan Sabah (*Utusan Borneo* dan *New Sabah Times*-bahagian berita bahasa Melayu) dianalisis dan dikenal pasti

kata leksikal utamanya. Kata leksikal utama yang dijana berbantuan kaedah linguistik korpus kemudiannya dianalisis menggunakan analisis transitiviti Teori Sistemik-Fungsional oleh Halliday (1981, 1985). Kajian ini mendapati bahawa penggunaan butir leksikal menghasilkan tafsiran yang berbeza antara akhbar, yang berpunca daripada penggunaannya dalam konteks klausa dan ayat. Perbezaan tafsiran oleh akhbar yang berbeza juga dapat dilihat daripada struktur tematik klausa. Kesimpulannya, penerapan Teori Sistemik-Fungsional dan analisis transitiviti yang telah dipilih, sesuai digunakan untuk memperlihatkan perbezaan tafsiran antara akhbar yang dikaji.

Kata kunci: Konflik, klausa, transitiviti, proses, tafsiran, ceroboh

### *Abstract*

*This study is a linguistic analysis of the conflict that occurred in Lahad Datu, Sabah, in 2013, as reported in the news. Using online news archives, this quantitative and qualitative study aims to identify the elements of language that describe the conflict and see if there is a tendency to make different interpretations based on the selected newspaper reports so as to sketch those tendencies. The texts of the Malay-language news reports from four main newspapers—two national newspapers (Utusan Malaysia and Berita Harian) and two local newspapers in Sabah (Utusan Borneo and New Sabah Times - the Malay news section) —were analyzed and the main lexical items were identified. The main lexical items generated using corpus linguistics were then analyzed using the transitivity analysis of the Systemic-Functional Theory by Halliday (1981, 1985). This study found that the use of lexical items produces different interpretations in the newspapers, stemming from their use in the context of clauses and sentences. The differences in interpretation by the different newspapers can also be seen from the thematic structure of the clause. In conclusion, the application of the Systemic-Functional Theory and the selected transitivity analysis can be used to show the difference in interpretation between the analyzed newspapers*

*Keywords: Conflict, clause, transitivity, process, interpretation, ceroboh*

## PENGENALAN

Konflik merupakan suatu konsep yang luas, yang didefinisikan dengan pelbagai takrifan merentas disiplin yang meliputi bidang interaksi sosial (Speakman & Ryals, 2010:187) dan boleh diteliti daripada pelbagai aspek (Mohd. Foad, 2005:16). Konflik diertikan sebagai ketiadaan persetujuan antara dua pihak, sama ada individu atau kumpulan (Schdmit & Kochan,1972:361), kekecewaan terhadap sesuatu pihak (Thomas, 1992:265), ketiadaan kesesuaian (*incompatibility*) dan pertentangan (*opposition*) (Asmah, 2013:7), pertentangan disebabkan oleh aspirasi yang berbeza (Miller, 2005:22), perbezaan kepentingan, atau perbezaan kepercayaan (Pruit, 1998:470) dan pelencongan atau perubahan kepentingan oleh sesuatu pihak, yang boleh berlaku pada peringkat individu dan kumpulan (Reuben, 2009:49). Dahrendorf (1959:140) pula menyatakan bahawa konsep konflik meliputi *contest*, *competition*, *dispute*, *tension*, dan *to manifest clashes between social forces*.

Dari sudut bahasa, konsep konflik berasal daripada bahasa Latin dan mempunyai dua fungsi, iaitu sebagai kata kerja dan kata nama. Fungsi kata kerja dibawa oleh kata leksikal *confligere*, yang merupakan gabungan dua konsep, iaitu *con* dan *fligere* yang bermaksud *together* dan *to strike*, masing-masing. Dalam konteks fungsinya sebagai kata nama, konsep konflik merujuk *conflictus* yang bermaksud *a contest* (Oxford English Dictionary Online, 2018). Kedua-dua makna dalam kata kerja dan kata nama ini dirumuskan sebagai gabungan *to strike together*, *struck together*, *fought* yang mengandungi konsep menentang/melawan dan *a contest* yang mengandungi pengertian penentangan/perlawanan sebagai makna asas bagi kata konflik. Konsep konflik dalam bahasa Latin inilah yang dibawa masuk ke dalam bahasa Inggeris, seterusnya ke dalam bahasa Melayu (Asmah, 2013:6). Dalam bahasa Melayu, leksikal **konflik** merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris yang dikategorikan sebagai kata leksikal superordinat (Asmah, 2013:6).

Unsur bahasa yang digunakan bagi mengungkapkan sesuatu peristiwa konflik akan menunjukkan jenis konflik yang berlaku. Konflik manusia meletakkan manusia sebagai subjek atau pelaku. Konflik manusia boleh terdiri daripada tiga jenis konflik, iaitu konflik yang diungkapkan melalui pengucapan (verbal), konflik yang melibatkan tindakan zahir (fizikal), dan konflik yang menggabungkan konflik verbal dan fizikal (Asmah, 2013:17–18). Konflik verbal melibatkan penggunaan bahasa [+bahasa] dalam tindakannya, manakala konflik fizikal melibatkan pergerakan tubuh badan [+fizikal]. Jenis konflik ketiga menggabungkan penggunaan bahasa

dengan pergerakan fizikal [+bahasa][+fizikal]. Dengan adanya penggunaan senjata, konflik pencerobohan sekumpulan warga Filipina di daerah Lahad Datu, Sabah yang berlaku pada tahun 2013 dapatlah dikatakan sebagai konflik manusia yang terdiri daripada tindakan konflik berbentuk fizikal bersenjata.

## **KAJIAN MAKNA WACANA KONFLIK BAHASA MELAYU**

Konflik Lahad Datu mempunyai sejarah yang panjang dan berkait dengan tuntutan Filipina terhadap Sabah dan menarik perhatian pengkaji luar dan pengkaji tempatan, terutamanya dari aspek undang-undang. Antara kajian dari aspek perundangan yang telah dilaksanakan oleh sarjana tempatan termasuklah kajian yang dilakukan oleh Abdul Gani (2013), Abdullah (1987), Fernandez (2007), Kadir (2009), Mohd Ariff (1988), Mohd Faizal (2013), Mohd Hazmi dan Maizatun (2014), Mohd Hazmi dan Muhamad Azim (2013), dan Nik Anuar (2009).

Kajian yang menumpukan aspek bahasa yang digunakan dalam mengungkap hal yang berkaitan dengan konflik Lahad Datu secara khusus masih kurang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, beberapa kajian wacana bahasa Melayu telah dilaksanakan oleh sarjana terdahulu yang menyentuh wacana konflik. Tan Joo Seng (1994) membincangkan cara konflik dalam wacana berita sukan memiliki struktur, susunan dan tatatingkat tertentu, dan menerangkan perbezaan struktur berita akhbar dalam pelaporan berita yang sama dengan menggunakan pendekatan analisis struktur makro dan mikroteks (van Dijk, 1993). Kamila (1999) memilih pendekatan analisis wacana kritis oleh Fairclough (1989, 1995) untuk mengesan konflik ideologi, konflik kuasa dan konflik kepentingan dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Pendekatan ini juga digunakan oleh Idris (2001) bagi melihat kewujudan konflik kepentingan, konflik perkauman, konflik ekonomi, konflik teknologi maklumat dan konflik dadah dalam perutusan tahun baru 1982–1999 oleh Perdana Menteri ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Konflik antara penjual dengan pembeli dapat dikesan melalui kajian Norhashimah (1994) yang menggabungkan pendekatan semantik sistem penuh (Sperber & Wilson, 1986) dengan teori dalam bidang pragmatik, iaitu Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986). Kajian Asmah (2014) menunjukkan bahawa konflik hubungan antarabangsa dapat dikesan melalui wacana surat Sultan Kedah dengan dua pihak yang berbeza, iaitu Raja Siam dan Gabenor Kerajaan, menggunakan pendekatan

teks dalam situasi yang berasaskan Teori Linguistik Sistemik-Fungsional (Halliday, 1979). Kajian beliau menunjukkan bagaimana fungsi ideasional, interpersonal dan tekstual dalam teks dapat menjelaskan konflik kedudukan antara dua buah kerajaan, hanya dengan menggunakan data surat daripada sebelah pihak.

Kajian konflik dalam teks akhbar berbahasa Melayu juga telah dilakukan oleh sarjana terdahulu menggunakan pelbagai pendekatan. Siti Nur Ain dan Mohamad Saifudin (2018) mendapati bahawa pbingkai konflik merupakan bingkai kedua tertinggi selepas bingkai tanggungjawab dalam laporan berita akhbar mengenai pencemaran bauksit menggunakan analisis pbingkai Semetko dan Valkenburg (2000). Kajian yang dilakukan oleh Ermawati, Hidayatun Nur, dan Sumarlam (2022) pula menerapkan analisis wacana kritis Fairclough (1989) untuk membincangkan penggunaan kata yang menunjukkan konflik antara ahli politik dengan dua orang aktivis sosial Indonesia dalam laporan berita dalam talian. Syahirah et al. (2022) juga menggunakan pendekatan yang sama dalam menghuraikan penggunaan unsur teks luar dalam laporan akhbar *Al-Jazeera* yang berkaitan dengan konflik di Syria.

Daripada tinjauan kajian, kewujudan konflik dapat diketahui melalui unsur bahasa dalam pelbagai teks wacana, sama ada wacana surat, data lisan, laporan akhbar, dan teks media sosial. Dalam konteks kajian ini, teks laporan berita konflik merupakan ungkapan pengalaman penulis berita terhadap konflik yang dilaporkan. Penulis berita berlainan mengungkapkan pengalamannya yang berbeza-beza terhadap konflik. Perbezaan ini menghasilkan tafsiran tertentu terhadap konflik yang berlaku. Sesuai dengan sifat bahasa yang boleh menghasilkan pelbagai tafsiran yang berbeza-beza, penggunaan unsurnya perlu mengambil kira konteks situasinya bagi mengelakkan salah faham yang boleh memberikan kesan yang buruk, khususnya dalam konteks konflik.

Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa penggunaan unsur bahasa dalam pelbagai teks wacana, termasuklah teks laporan berita konflik, dapat dihuraikan melalui pendekatan linguistik. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan dengan menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk menghuraikan makna unsur bahasa yang digunakan bagi mengungkapkan konflik dalam wacana laporan berita konflik Lahad Datu Sabah yang berlaku pada tahun 2013. Daripada pendekatan yang telah ditinjau, teori Linguistik Sistemik-Fungsional dipilih untuk diterapkan dalam kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana teori ini dapat menghuraikan pembentukan makna daripada gabungan unsur bahasa yang

digunakan pada peringkat sistem nahu klausa secara mendalam. Huraian pada peringkat ini tidak ada pada pendekatan yang lain.

## TEORI SISTEMIK-FUNGSIONAL

Dengan menggunakan Teori Sistemik-Fungsional, kajian ini menganalisis sistem nahu klausa penulis berita yang memfokuskan proses material **ceroboh**. Teori Sistemik-Fungsional merupakan teori yang menggabungkan dua kaedah analisis bahasa, iaitu Teori Sistemik dan Teori Fungsional (Asmah, 2015:339). Teori ini menyatakan bahawa bahasa memperoleh makna daripada komponen fungsionalnya (Halliday & Matthiessen, 2004:19). Dalam penggunaan bahasa; kita perlu merujuk sesuatu set kategori yang dapat menerangkan hal yang dialami (fungsi ideasional); kita perlu mengambil sesuatu peranan dalam suatu situasi interaksi (fungsi interpersonal); dan kita perlu menggabungkan kedua-duanya dalam bentuk teks (fungsi tekstual) (Halliday, 1981:29). Setiap satu daripada fungsi ini berhubung kait antara satu dengan lain dan mempunyai ciri fenomena linguistik yang berbeza-beza, sesuai dengan peranan setiap fungsi yang berkenaan (Halliday 1985:53). Ketiga-tiga fungsi penggunaan bahasa ini yang juga disebut sebagai metafungsi bahasa merupakan tujuan atau cara menggunakan bahasa (Halliday & Matthiessen, 2004:30–31).

Berdasarkan teori ini, mesej dalam bahasa tidak terhad pada makna pada aras leksikal, tetapi makna dalam bahasa secara keseluruhannya yang diekspresikan melalui sistem nahu klausa yang terdiri daripada lexis dan tatabahasa. Oleh hal yang demikian, penelitian makna pada peringkat wacana harus bermula daripada klausa sebagai unit pemprosesan utama yang mengungkapkan pelbagai makna, yang kemudiannya digabungkan oleh struktur tatabahasa pada peringkat wacana yang lebih luas seperti yang dinyatakan oleh Halliday dan Matthiessen, (2014:10):

*The clause is the central processing unit in the lexicogrammar – in the specific sense that it is in the clause that meanings of different kinds are mapped into an integrated grammatical structure.*

### Transitiviti

Sistem nahu klausa mengungkapkan sesuatu makna melalui perubahan yang berlaku pada tiga elemen klausa, iaitu **proses** yang berlaku, **pelaku**


yang terlibat secara langsung dengan proses tersebut, dan **keadaan/situasi** yang terlibat secara tidak langsung, dalam satu satuan klausa. Pengungkapan elemen dalam sistem nahu klausa ini menjadi penentu, sama ada proses yang berlaku ialah proses *happening, doing, sensing, saying, being* atau *having*, seperti yang dinyatakan oleh Halliday dan Matthiessen (2014:213) seperti yang berikut:

*Our most powerful impression of experience is that it consists of a flow of events, or 'goings-on'. This flow of events is chunked into quanta of change by the grammar of the clause: each quantum of change is modelled as a figure – a figure of happening, doing, sensing, saying, being or having.*

Sistem nahu klausa yang membolehkan perubahan sedemikian berlaku dikenali sebagai transitiviti. Analisis transitiviti meneliti cara klausa disusun menggunakan ketiga-tiga elemen pelaku, proses dan keadaan/situasi (Fowler seperti yang dinyatakan dalam Rasinger, 2010:1023) untuk menggambarkan sesuatu peristiwa yang berlaku dalam wacana. Elemen tersebut dirangkaikan dalam teks bagi mencari jawapan terhadap persoalan *Who does what to whom, when, where and how?* (Haig, 2001:4; Halliday & Mathiessen, 2004:181).

Melalui transitiviti, peristiwa seperti konflik diungkapkan dalam wacana dengan memasukkan atau mengeluarkan pelaku tertentu dan menonjolkan atau menyembunyikan pelaku dan proses tertentu (Fairclough 1995; Van Leeuwen 1996). Transitiviti membolehkan ahli linguistik mengetahui cara pewacana menonjolkan makna tertentu dalam wacana dan menyembunyikan makna lain melalui pilihan proses tertentu, dan menghalakan persepsi pembaca terhadap sesuatu makna dalam teks ke arah yang dikehendaki (Chen, 2007:30). Dengan meneliti kaitan antara proses dengan pelaku dan keadaan dalam klausa, strategi linguistik pewacana dalam mengungkapkan pandangan terhadap sesuatu peristiwa dalam wacana, dan secara halus membawa pembaca ke arah persepsi yang diinginkan, dapat diketahui (Chen, 2007:34).

Oleh hal yang demikian, analisis transitiviti merupakan kaedah yang paling tepat untuk melihat makna sesuatu kata leksikal konflik dalam konteks wacana teks laporan berita yang digunakan sebagai data kajian ini. Elemen transitiviti klausa dapat dilihat dalam Rajah 1.



**Rajah 1** Elemen transitiviti.

### Jenis Proses

Teori Sistemik-Fungsional membahagikan butir leksikal yang mewakili proses *happening*, *doing*, *sensing*, *saying*, *being* atau *having* kepada tiga kategori proses utama, ialah proses material, proses mental, dan proses *relational*. Daripada tiga kategori ini, terdapat tiga subkategori proses, iaitu proses *behaviourial* (terletak antara proses material dengan proses mental), proses verbal (terletak antara proses mental dengan proses *relational*), dan proses *existential* (terletak antara proses *relational* dengan proses material) (Halliday & Matthiessen, 2014:286–300).

Proses material merupakan pengungkapan pengalaman seseorang dalam dunia nyata dan melibatkan kejadian atau perubahan yang melibatkan proses atau tindakan secara fizikal. Proses mental pula ialah pengungkapan pengalaman yang dilalui secara mental; yang dialami dalam skop kesedaran sahaja dan tidak berkait dengan faktor luaran atau material: *sensing*. Proses *relational* menunjukkan perubahan yang berlaku kepada sesuatu entiti tanpa melibatkan penggunaan tenaga fizikal. Proses ini mengkategorikan dan memberikan identiti kepada entiti yang terdiri daripada benda, perbuatan dan fakta. Proses *behaviourial* menunjukkan perbuatan fizikal, fisiologi dan psikologi manusia. Proses verbal menunjukkan penceritaan tentang sesuatu peristiwa atau proses yang berlaku. Proses *existential* mengandungi elemen yang menerangkan kewujudan sesuatu tempat atau waktu berlakunya sesuatu proses dan terdiri daripada kata yang menunjukkan kewujudan sesuatu peristiwa atau entiti (Halliday & Matthiessen, 2014: 224–310).



## Proses Material

Proses material merupakan pengungkapan pengalaman dalam dunia nyata dan melibatkan kejadian atau perubahan yang melibatkan sesuatu proses atau tindakan secara fizikal. Proses dalam klausa material menghasilkan dua keadaan (i) proses berlakunya sesuatu perkara atau peristiwa (*happening*), dan (ii) proses berlakunya sesuatu tindakan (*doing*) (Halliday & Matthiessen, 2014:225). Hasil atau *outcome* daripada proses *happening* hanya melibatkan pelaku (*Actor*) sahaja, manakala proses *doing* memanjangkan akibat atau hasil daripada tindakan pelaku (*Actor*) kepada pelaku (*Goal*) yang merupakan penerima akibat atau penderita. Aktor merupakan pelaku tunggal bagi proses material. Proses *happening* merupakan proses yang berlaku dalam klausa intransitif, manakala proses *doing* terkandung dalam klausa transitif. Kewujudan kedua-dua bentuk klausa transitif dan intransitif inilah yang menerbitkan konsep yang dikenali sebagai transitiviti dalam teori ini. Proses *doing* merupakan proses aktif, manakala proses *happening* ialah proses pasif. Aktor ialah penerima atau penderita bagi kejadian/peristiwa yang berlaku dalam proses pasif. Aktor hanya berada pada kedudukan penyambut dan boleh ditiadakan dalam klausa. Aktor dalam proses aktif pula menjadi pelaku proses (Halliday & Matthiessen, 2014: 224–22).

## METODOLOGI DAN PEMROSESAN DATA

Korpus kajian ini terdiri daripada teks laporan berita yang ditulis dan diterbitkan di laman web akhbar terpilih, bermula dari 14 Februari 2013, iaitu tarikh artikel berita konflik yang paling awal direkodkan dalam arkib akhbar, hingga 24 Mac 2013 apabila ancaman pengganas dilumpuhkan dengan tertangkapnya panglima kumpulan pengganas Sulu, Datu Amir Bahar Hushin Kiram dan prosiding undang-undang terhadap mereka dimulakan (Polis sahan Datu Amir Bahar Hushin Kiram ditahan di Semporna”, 2013; “*Caught Sulu commander confirmed as Datu Amir Bahar Hushin Kiram*”, 2013; “Penceroboh Lahad Datu didakwa di Mahkamah Tawau, 2013). Sebanyak dua buah akhbar dalam talian yang diterbitkan pada peringkat nasional dan dua buah akhbar tempatan Sabah dalam talian dipilih sebagai korpus kajian. Keempat-empat akhbar tersebut dipilih berdasarkan kriteria asas, iaitu jumlah edaran yang paling tinggi dalam tempoh konflik (*Audit Bureau Circulation*, Januari – Jun 2013). Selain kriteria asas ini, kriteria pemilihan dua buah

akhbar tempatan Sabah juga dilaksanakan dengan mengambil kira faktor kewujudan akhbar berbahasa Melayu di negeri itu.

Akhbar harian nasional yang dipilih ialah *Utusan Malaysia (UM)* dan *Berita Harian (BH)*. Kedua-duanya diterbitkan di Kuala Lumpur dan diedarkan ke seluruh Malaysia. Akhbar *UM* dikendalikan sebagai satu usaha perniagaan, tetapi bukan bertujuan mencari keuntungan (Chamil Wariya, 1988:255). Akhbar *BH* pula dimiliki oleh *New Straits Times Press (Malaysia) Sdn. Bhd.* Akhbar *Utusan Borneo (UB)* dan *New Sabah Times (NST)* merupakan akhbar harian yang diasaskan, dicetak dan diedarkan di Sabah. Akhbar *UB* dipilih kerana merupakan satu-satunya akhbar berbahasa Melayu yang diterbitkan dan diedarkan di Sabah. Akhbar *UB* diterbitkan pada tahun 1994 oleh Syarikat See Hua Sdn. Bhd.<sup>1</sup> sebagai tambahan kepada akhbar *Borneo Post* dan mengandungi ruangan Berita Iban, Berita Kadazan, Berita Nasional, Berita Sarawak, Berita Sabah, Ekonomi, Rencana dan Sukan.<sup>2</sup> Selain Ruang Berita Iban dan Kadazan, semua ruangan lain ditulis dalam bahasa Melayu.

Kurangnya akhbar harian berbahasa Melayu yang diterbitkan di Sabah menyebabkan berita bahasa Melayu dalam akhbar tempatan Sabah yang berbahasa Inggeris, iaitu *New Sabah Times*, dipilih bagi mengisi kuota data bagi kajian ini. Akhbar ini merupakan akhbar berbahasa Inggeris yang mempunyai edaran paling tinggi di Sabah (Audit Bureau Circulation, Jan–Jun 2013). Dengan edaran yang tinggi, dapat diandaikan bahawa berita berbahasa Melayunya juga dapat dibaca dengan meluas di negeri berkenaan. Akhbar harian ini diterbitkan pada tahun 1949, dihentikan penerbitannya pada 24 Mac 1995 dan diterbitkan semula setelah dibeli oleh syarikat penerbitan Inna Kinabalu Sdn. Bhd. dengan nama *New Sabah Times*<sup>3</sup>. Data laporan berita konflik Lahad Datu bagi keempat-empat akhbar yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Korpus kajian.

<b>Akhbar</b>	<b>Jumlah Kata</b>
<i>Berita Harian</i>	20,308
<i>Utusan Malaysia</i>	69,578
<i>Utusan Borneo</i>	30,375
<i>New Sabah Times (bahagian berita bahasa Melayu)</i>	38,545
<b>Jumlah</b>	<b>158,806</b>

### **Kata Leksikal Utama Konflik**

Kata merupakan unsur bahasa yang terbahagi kepada dua; iaitu kata leksikal dan kata tugas. Kata leksikal merupakan kata yang merujuk pelbagai konsep yang wujud di sekeliling manusia dan mengungkapkan pengalaman dengan konsep tersebut (Freeborn, 1987:25). Kata tugas pula hanya mempunyai makna apabila dirangkaikan dengan kata leksikal dan membentuk klausa, frasa dan ayat bagi mengungkapkan makna yang diinginkan. Oleh hal yang demikian, kata leksikal yang membawa makna konflik sahaja dipilih sebagai asas kajian. Kata dan frasa nama khas yang menunjukkan tempat, manusia dan binatang tidak disenaraikan.

Kata leksikal utama ialah kata yang mempunyai kekerapan tinggi dalam sesuatu teks dan memberikan petunjuk terhadap tema penting yang menjadi titik mula (*starting point*) dalam sesuatu kajian (McEnery & Hardie, 2012:41). Kata leksikal utama konflik dijana berbantuan kaedah linguistik korpus menggunakan perisian Antconc 3.4.1w (Anthony, 2014) bagi mengenal pasti dan menyenaraikan butiran leksikal yang menjadi kata utama dalam laporan berita konflik. Kaedah ini didapati sesuai kerana saiz data kajian yang besar dan berformat digital membolehkan kata utama disenaraikan menggunakan perisian komputer dengan lebih cepat dan terhindar daripada kesalahan manusiawi.

### **Kaedah Linguistik Korpus**

Linguistik korpus ialah kaedah kajian yang menggunakan bahasa sebenar oleh masyarakat sebagai data kajian (Biber et al., 1998:1), boleh digunakan dalam hampir semua aspek kajian linguistik (McEnery & Wilson, 2001:2), malah disifatkan sebagai alat penerokaan wacana (McEnery & Hardie, 2012:133). Kaedah ini menggunakan himpunan teks, lazimnya dalam bentuk digital atau terbacakan komputer bagi mengkaji persoalan bahasa yang spesifik, bersifat bukan monolitik dan heterogenus (McEnery & Hardie, 2012:1).

Ciri atau maklumat linguistik yang menyerlah dalam data akan dianalisis lebih lanjut (*corpus-driven*) (Baker, 2006:16). Triangulasi dilakukan dengan membandingkan korpus kajian dengan korpus umum bagi memastikan bahawa ciri atau maklumat yang menyerlah tersebut bukanlah bersifat kebetulan, tetapi *autoritative, final* dan formal dapatannya (Cocourel seperti yang dinyatakan dalam Stubbs, 1983:234). Bagi membolehkan proses triangulasi dilakukan, sebuah korpus umum diperlukan. Korpus umum boleh mempunyai saiz yang sama dengan

korpus kajian atau lebih besar (Baker, 2004:2). Dalam kajian ini, Korpus DBP digunakan sebagai bandingan. Komposisinya ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Korpus umum.

<b>Genre</b>	<b>Jumlah Kata</b>
Buku	1,029,844
Akhbar	2,563,809
Majalah	1,526,056
<b>Jumlah</b>	<b>5,119,709</b>

Menerusi hasil triangulasi ini, 40 kata leksikal utama konflik dapat disenaraikan dan dikelompokkan mengikut jenis proses. Daripada senarai tersebut, kata kerja proses material **ceroboh** dan terbitannya, iaitu **menceroboh**, dipilih untuk memperlihatkan ada atau tiadanya kecenderungan tertentu pada setiap akhbar yang dipilih ketika membuat tafsiran konflik Lahad Datu. Seterusnya, kecenderungan itu akan dilakarkan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kata kerja **ceroboh** merupakan kata kerja unggulan kerana bentuk akarnya tergolong sebagai kata kerja (Asmah, 2015:27). Kata **ceroboh** dan kata kerja terbitannya, **menceroboh**, tersenarai sebagai antara kata leksikal utama konflik dan dikategorikan sebagai proses material.

Daripada analisis yang dilakukan, perbezaan penggunaan butir leksikal dan susunan struktur tematik klausa menghasilkan tafsiran yang berbeza-beza antara akhbar, seperti yang berikut:

### i. Penggunaan Butir Leksikal yang Berbeza

Pengungkapan proses **ceroboh** oleh akhbar berbeza menunjukkan wujudnya perbezaan tafsiran antara akhbar. Kedua-dua akhbar UB dan NST mentafsirkan insiden pencerobohan ini sebagai tindakan **menceroboh** semata-mata tanpa melibatkan tindakan yang lain (contoh 1–4).

1. Menurutny, setakat ini tiada maklumat yang diterima namun siasatan terperinci sedang dilakukan bagi memastikan tiada rakyat melakukan penyamaran dengan membantu pihak **pengganas** yang **menceroboh** di Lahad Datu dan Semporna. (*NST*, 7 Mac 2013)
2. Rakyat di seluruh negara diingatkan supaya tidak mengaitkan **pengganas** yang **menceroboh** di Kampung Tanduo dekat sini dengan masyarakat kaum Suluk di Sabah. (*NST*, 11 Mac 2013)
3. Semalam, Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata pihak berkuasa keselamatan berjaya mengesan **sekumpulan lelaki warga asing berpakaian ala tentera dan bersenjata api menceroboh** masuk ke Lahad Datu. (*UB*, 15 Feb 2013)
4. Pada Rabu lalu (13 Feb), pihak berkuasa keselamatan berjaya mengesan sekumpulan lelaki warga asing **berpakaian ala tentera dan bersenjata api menceroboh** masuk ke Lahad Datu. (*UB*, 15 Feb 2013)

Berbeza daripada *NST* dan *UB* yang mentafsirkan peristiwa pencerobohan sebagai tindakan **menceroboh** semata-mata, *UM* dan *BH* meletakkan proses material **membunuh** bersama-sama dengan proses material **menceroboh** pada konstituen klausa beritanya dengan menjadikan **anggota polis Malaysia** dan **anggota keselamatan negara ini** sebagai sasaran, seperti dalam contoh 5 dan 6, dan contoh 8. Akhbar *BH* juga mengungkapkan proses material **menceroboh** bersama-sama dengan proses material **menuntut** dan **Sabah** sebagai sasaran (contoh 7). Daripada gandingan proses material **menceroboh** dengan proses material **membunuh**, *UM* mentafsirkan konflik ini sebagai tindakan yang memperlihatkan kekejaman penceroboh, manakala *BH* mentafsirkan pencerobohan ini sebagai tindakan yang mempunyai tujuan lanjut, iaitu untuk menuntut **Sabah** daripada Malaysia, sesuai dengan konteks latar situasi konflik ini yang bertitik tolak daripada isu tuntutan Filipina terhadap Sabah. Tafsiran oleh kedua-dua akhbar nasional ini tidak ada pada kedua-dua akhbar tempatan Sabah.

5. **Jamalul Kiram III**, yang mengaku sebagai **Sultan Sulu** dan **pengikutnya menceroboh** Sabah serta **membunuh anggota polis Malaysia**, tidak boleh menuntut gelaran yang sudah tidak wujud lagi itu, kata sumber yang tahu dengan mendalam sejarah dan salasilah keluarga berkenaan. (*UM*, 6 Mac 2013)
6. Penceroboh yang dipercayai **anggota tentera Diraja Kesultanan Sulu** yang ditahan di Sabah boleh didakwa atas kesalahan **menceroboh** dan

**membunuh** di bawah undang-undang negara, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz. (*UM*, 5 Mac 2013)

7. **Sultan Sulu, Jamalul Kiram III** mengarahkan **pengikutnya mencero boh Kampung Tanduo** bagi **menuntut Sabah** dari Malaysia. (*BH*, 4 Mac 2013)
8. Perdana Menteri berkata, kerajaan bertegas dalam hal ini kerana apa yang dilakukan **pencero boh** itu satu jenayah amat serius, iaitu **mencero boh** negara dengan senjata dan **membunuh anggota keselamatan negara ini**. (*BH*, 3 Mac 2013)

Selain perbezaan gandingan butir leksikal bagi mengungkapkan proses **cero boh**, perbezaan penggunaan butir leksikal bagi mengungkapkan pelaku kepada proses juga menyebabkan perbezaan tafsiran konflik antara akhbar. Klaus laporan berita dalam contoh 1–8 menunjukkan bahawa keempat-empat akhbar mengungkapkan **mencero boh** sebagai proses material tindakan (*doing*) dengan pelakunya masing-masing ialah **pengganas (NST)**, **sekumpulan lelaki warga asing berpakaian ala tentera dan bersenjata api (UB)**, **Sultan Sulu dan pengikutnya, anggota tentera Diraja Kesultanan Sulu (UM)** dan **pengikut Sultan Sulu, Sultan Sulu, Jamalul Kiram III (BH)**.

Contoh 1 dan 2 menunjukkan *NST* mengungkapkan pelaku proses material **mencero boh** sebagai **pengganas** (denotatif sifat yang ganas), manakala akhbar *UB* menerangkan bahawa pelaku yang **mencero boh** Lahad Datu melalui ciri fizikal sebagai **sekumpulan lelaki warga asing berpakaian ala tentera dan bersenjata api** (contoh 3 dan 4). Daripada contoh 1–4 tersebut, *NST* lebih lantang dan berterus terang dengan menyifatkan pelaku tindakan **mencero boh** sebagai orang yang mengganas (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005), manakala *UB* secara tidak langsung menggunakan ciri pelaku dalam klausanya sebagai **ala tentera** dan mempunyai kelengkapan **senjata api** yang diketahui boleh menyebabkan kecederaan dan kematian bagi mengungkapkan pelaku proses **mencero boh**. Walaupun terdapat perbezaan kelantangan dalam menyuarakan pelaku konflik yang berbeza antara dua buah akhbar tempatan Sabah ini, kata denotatif negatif **pengganas** dan frasa **lelaki warga asing, berpakaian ala tentera dan bersenjata api** yang digunakan oleh kedua-dua akhbar tersebut masih memberikan konotasi negatif kepada pelaku tindakan **mencero boh** dalam laporan berita masing-masing.

Akhbar nasional *UM* pula meletakkan pelaku tindakan **mencero boh** sebagai **Sultan Sulu dan pengikutnya** (contoh 5) dan **anggota tentera**

**Diraja Kesultanan Sulu** (contoh 6). Akhbar *BH* juga mentafsirkan peristiwa pencerobohan ini sebagai insiden yang mempunyai kaitan dengan faktor sejarah konflik apabila menggunakan kata **Sultan Sulu, Sultan Jamalul Kiram III** sebagai pelaku (contoh 7). Penggunaan tersebut memperlihatkan kecenderungan kedua-dua akhbar nasional ini untuk mengaitkan fakta sejarah konflik ini ketika mentafsirkan konflik tersebut. Konflik ini berlaku berasaskan tuntutan Kesultanan Sulu terhadap Sabah, yang bertitik tolak daripada tuntutan Sultan Badaruddin (Sulu) untuk mengambil semula wilayah Borneo Utara yang diserahkan oleh ayahandanya, Sultan Jamalul Alam (Azam) dalam Perjanjian 1878. Pada ketika tuntutan baginda itu, Borneo Utara atau Sabah sudah berada dalam pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara setelah Protokol Madrid ditandatangani antara Britain, Jerman dan Sepanyol pada tahun 1885 (Nik Anuar, 2009).

Selain itu, akhbar *BH* juga mentafsirkan peristiwa pencerobohan ini sebagai tindakan mencerooboh oleh **penceroboh** sebagai pelaku (contoh 8). Penggunaan kata **penceroboh** yang mempunyai makna denotatif orang atau pihak yang mencerooboh ini tidak memberikan tafsiran sifat ganas sepertimana tafsiran yang diungkapkan oleh *NST* melalui kata **pengganas** (contoh 1 dan 2).

Selain mengungkapkan pelaku berdasarkan maklumat sejarah yang faktual sifatnya, kedua-dua akhbar nasional juga mengungkapkan pelaku proses mencerooboh sebagai pihak yang neutral. Akhbar *UM* mengungkapkan pelaku proses material **mencerooboh** sebagai **Sultan Sulu dan pengikutnya, anggota tentera Diraja Kesultanan Sulu, dan mana-mana pihak** (contoh 5, 6 dan 9), manakala Akhbar *BH* menggunakan **kumpulan, pengikut** (Sultan Sulu), **Sultan Sulu, dan Jamalul Kiram III** bagi mengungkapkan pelaku tindakan tersebut (contoh 7 dan 10). Akhbar *UM* tidak mengkhususkan mana-mana pihak, tetapi merangkumkan semua pihak yang melakukan tindakan tersebut sebagai musuh negara dan tidak menghormati Yang di-Pertuan Agong.

9. **Mana-mana pihak** daripada luar atau dalam yang **mencerooboh Sabah**, mereka merupakan musuh negara dan tidak menghormati Yang di-Pertuan Agong. (*UM*, 23 Mac 2013)
10. Pertempuran berlaku selepas kerajaan beberapa kali mengadakan rundingan dengan **kumpulan** itu yang **mencerooboh** negara 12 Februari lalu bagi diselesaikan secara aman. (*BH*, 2 Mac 2013)

Daripada pengungkapan proses material **menceroboh** yang ditunjukkan dalam contoh 5–9, perbezaan butir leksikal bagi mengungkapkan proses yang sama memberikan kesan makna yang berbeza antara akhbar yang dikaji. Makna **menceroboh** yang bermaksud tindakan fizikal sebelah pihak yang masuk ke kawasan orang atau ke wilayah sesebuah negeri dan sebagainya tanpa kebenaran dengan tujuan untuk mengganggu, mencabuli, melanggari, dan sebagainya (*Kamus Dewan Keempat*, 2005) tekal dalam klausa dan ayat. Walau bagaimanapun, penggunaan butir leksikal yang menggambarkan proses lain bersama-sama dengan proses material **menceroboh**, iaitu **menceroboh+membunuh** dan **menceroboh+menuntut**, menyebabkan wujudnya perbezaan tafsiran antara akhbar.

Perbezaan kecenderungan ketika mengungkapkan pelaku pula menunjukkan bahawa *UM* dan *BH*, selaku akhbar nasional menggambarkan penceroboh dengan imej yang neutral dalam konflik. Penggunaan butir leksikal **mana-mana pihak** dan **kumpulan** dalam contoh 9 dan 10 menghilangkan tanggapan negatif pembaca terhadap penceroboh, begitu juga dengan penggunaan kata nama yang berkait dengan fakta sejarah yang menjadi latar konflik ini sebagai pelaku (**Sultan Sulu dan pengikutnya, anggota tentera Diraja Kesultanan Sulu, Sultan Sulu dan Jamalul Kiram III**).

Akhbar *NST* dan *UB* yang lebih dekat dengan rakyat tempatan Sabah yang menjadi sasaran penceroboh dan berada berhampiran dengan tempat berlakunya konflik, cenderung menggambarkan pelaku dengan butir leksikal yang memberikan konotasi makna yang negatif, seperti yang digambarkan melalui kata **pengganas**, dan memaparkan ciri fizikal, seperti **lelaki warga asing, berpakaian ala tentera dan bersenjata api**.

Daripada perbezaan yang dihuraikan ini, sememangnya perbezaan butir leksikal yang digunakan bagi mewakili elemen sistem nahu klausa menentukan pembinaan sesuatu makna dalam wacana dan dapat menunjukkan tafsiran akhbar selaku pewacana terhadap peristiwa yang dilaporkan.

## ii. Perbezaan Struktur Tematik Klausa

Ayat boleh terdiri daripada satu klausa atau lebih daripada satu unit klausa. Ayat bertulis merupakan klausa kompleks yang terdiri daripada klausa tunggal atau lebih daripada satu unit klausa, yang saling berhubung kait (Halliday & Matthiessen, 2004:7–8). Ayat tajuk berita (contoh 11 dan 12),



setiap satunya mempunyai dua klausa, iaitu klausa pertama dan klausa kedua, seperti yang ditandakan, dengan masing-masing mengungkapkan proses material yang berbeza.

Dalam pengungkapan proses material **ceroboh**, kedua-dua akhbar *UM* dan *UB* mengungkapkan pelaku dalam klausa kedua (contoh 11 dan 12) secara jelas. Akhbar *UM* melalui contoh 11 menunjukkan pelaku tindakan **ceroboh** sebagai **kumpulan**, manakala *UB* menggambarkan pelaku tindakan yang sama dalam contoh 12 sebagai **tertuduh**. Perbezaan ini menunjukkan bahawa pada peringkat klausa proses material lagi, sudah ada kelainan tafsiran antara akhbar *UM* dengan akhbar *UB* apabila mengungkapkan pelaku. Akhbar *UM* menggambarkan pelaku sebagai neutral, manakala *UB* menggambarkan pelaku sebagai pihak yang didakwa bersalah melalui kata **tertuduh** yang berdenotasi negatif. Oleh hal yang demikian, melalui analisis transitiviti, perbezaan pengungkapan proses material **ceroboh** pada peringkat klausa sudah dapat menunjukkan perbezaan tafsiran antara akhbar.

Jika analisis transitiviti ini dilanjutkan kepada konteks ayat, makna yang berbeza juga akan diungkapkan. Pada peringkat ayat tajuk berita contoh 11, *UM* mengungkapkan pelaku sebagai **Aquino** yang melakukan proses verbal **bidas** dan sasarannya ialah **kumpulan ceroboh Sabah**. Makna dalam konteks ayat membolehkan pelaku pada peringkat klausa bertukar peranan menjadi pihak yang menjadi sasaran kepada proses lain. Dalam konteks ayat juga, lebih daripada satu proses boleh diungkapkan. Melalui ayat tajuk berita contoh 12 yang menggunakan ayat cakap ajuk, *UB* menunjukkan kelainan tafsiran daripada contoh 11 apabila mengungkapkan proses **ceroboh**. Pelaku proses material peristiwa (*happening*) **disuruh** dan **diupah** ialah pihak yang sama, iaitu **saya** dan **tertuduh ceroboh Sabah**, tanpa adanya sasaran.

- [ klausa pertama ]  
 11. [Aquino bidas [kumpulan **ceroboh** Sabah.]] (*UM*, 21 Feb 2013)  
 [ klausa kedua ]
- [ klausa pertama ]  
 12. [Saya disuruh dan diupah kata [tertuduh **ceroboh** Sabah.]] (*UB* Mac 22, 2013)  
 [ klausa kedua ]

Perbezaan kaedah pelaporan proses material **ceroboh** dalam ayat tajuk contoh 11 dan 12 ini menunjukkan tafsiran kedua-dua akhbar yang berbeza apabila menentukan perkara penting yang perlu diketahui oleh pembaca.

Akhbar *UM* selaku akhbar nasional meletakkan hubungan antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Filipina sebagai sesuatu yang penting. Laporan beritanya memperlihatkan pendirian diplomatik kerajaan Filipina melalui Aquino yang tidak menyokong tindakan sekumpulan rakyatnya memasuki daerah Lahad Datu, Sabah tanpa izin sebagai sesuatu yang penting untuk diketahui oleh pembaca. Akhbar *UB* sebagai akhbar tempatan Sabah pula berpandangan bahawa sebab musabab penceroboh sanggup bertindak melakukan pencerobohan lebih penting untuk diketahui oleh masyarakat setempat selaku pihak yang berdekatan dengan tempat konflik. Proses material peristiwa **disuruh** dan **diupah** juga menerbitkan tanda tanya kepada pembaca dan mewujudkan tanggapan negatif kepada penceroboh.

Perbezaan dalam meletakkan sesuatu peristiwa konflik sebagai tema atau rema klausa seperti yang diuraikan ini menunjukkan perbezaan tafsiran sesebuah akhbar dalam mengungkapkan konflik. Akhbar *UM* selaku akhbar nasional meletakkan tindakan sesebuah kerajaan yang terlibat ketika mengendalikan insiden pencerobohan sebagai keutamaan, manakala *UB* sebagai akhbar tempatan Sabah berpandangan bahawa punca atau sebab musabab penceroboh bertindak melakukan pencerobohan lebih penting untuk diketahui dan dijelaskan kepada masyarakat. Dapatan ini selaras dengan perkara yang dinyatakan oleh Halliday (1994:37) yang menunjukkan bahawa tema ialah inti klausa dan menentukan makna sesuatu klausa, iaitu *Theme is the point of departure; it is that with which the clause is concerned*.

## KESIMPULAN

Analisis transitiviti yang ditunjukkan dalam kajian ini dapat menunjukkan persamaan dan perbezaan tafsiran akhbar dalam mengungkapkan proses yang berlaku dalam konflik antara akhbar yang dipilih dalam kajian ini. Butir leksikal yang berbeza yang digunakan bagi mengungkapkan suatu proses atau pelaku yang sama menunjukkan tafsiran yang berbeza-beza oleh akhbar terhadap sesetengah pihak yang terlibat dalam konflik. Daripada pola penggunaan tersebut, kecenderungan sesetengah akhbar dalam pelaporan konflik dapat dikenal pasti dan dilakarkan. Kecenderungan tersebut juga mencerminkan pandangan dan persepsi sesebuah akhbar terhadap konflik yang dilaporkan. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Chen (2007:30) bahawa transitiviti membolehkan ahli linguistik mengetahui cara pewacana menonjolkan makna tertentu dalam wacana dan menyembunyikan makna lain melalui pilihan proses tertentu, dan menghalakan persepsi pembaca terhadap sesuatu makna dalam teks ke arah yang dikehendaki.

Oleh hal yang demikian, analisis transitiviti dapat digunakan untuk menganalisis makna kata leksikal konflik pada peringkat nahu klausa ayat dan wacana dengan objektif dan sistematik. Sesuatu proses dalam klausa boleh terdiri daripada pelaku, penderita atau sasaran, tetapi bukanlah suatu kemestian untuk ketiga-tiga komponen klausa ini hadir dalam satu-satu masa. Ada kalanya, klausa hanya mempunyai pelaku proses, tetapi tidak mempunyai sasaran, sama ada dalam bentuk penderita atau objek. Dapatan ini juga selari dengan prinsip pendekatan Teori Sistemik-Fungsional yang memberikan keutamaan kepada klausa sebagai unit utama dalam bahasa. Prinsip ini membolehkan pembinaan makna dapat diperhatikan dan dijelaskan daripada konstituen klausa dan membawa kepada konstituen ayat, perenggan dan keseluruhan teks wacana dengan jelas dan rinci.

#### NOTA

- 1 <http://www.utusanborneo.com.my/>
- 2 Berdasarkan rujukan di <http://www.theborneopost.com/news/utusan-borneo/> pada 19 Oktober 2016
- 3 <https://www.theborneopost.com/2020/12/30/farewell-new-sabah-times/> (keluaran terakhir 31 Disember 2020).

#### PENGHARGAAN

Rakaman penghargaan dan terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana membiayai pengajian dan penyelidikan ini. Terima kasih kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya yang menyediakan kemudahan pengajian dan penyelidikan.

#### RUJUKAN

- Abdul Gani Patail. (2013). *Putting to rest: The claim to Sabah of the self-proclaimed sultanate of Sulu*. Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Abdullah Ahmad. (1987). *Tengku Abdul Rahman dan dasar luar Malaysia, 1963–1970*. Berita Publishing Sdn Bhd.
- Anthony, L. (2014). Antconc version 3.4.1. Waseda University. <http://www.laurenceanthony.net/>
- Asmah Haji Omar. (2013). *Concept of conflict, war and peace in the Malay language*. Dewan dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2014). Discourse through letters: A social-functional approach. *Middle-East Journal of scientific research 20 (Language for Communication and Learning)*: 128–135, DOI: 10.5829/idosi.mejsr.2014.20.lcl.220
- Asmah Haji Omar. (2015). *Teori asas nahu*. Dewan dan Pustaka.
- Audit Bureau Circulation Malaysia. (2013a). *Circulation Figures – Paid Newspapers Print Edition Geographical Distribution – Sabah – January*

- 2013 to June 2013. (2013): Audit Bureau Circulation Malaysia.
- Audit Bureau Circulation Malaysia. (2013b). Circulation Figures - Paid Newspapers Print Edition-Geographical Distribution - Peninsular Malaysia-January 2013 to June 2013. (2013): Audit Circulation Bureau Malaysia.
- Baker, P. (2004). Querying keywords: Questions of difference, frequency, and sense in keywords analysis. *Journal of English Linguistics*, 32(4), 346–359. doi: 10.1177/0075424204269894
- Baker, P. (2006). *Using corpora in discourse analysis*. Continuum.
- Biber, D., Conrad, S., & Reppen, R. (1998). *Corpus linguistics: Investigating language structure and use*. Cambridge University Press.
- Caught Sulu commander confirmed as Datu Amir Hushin Kiram. (25 Mac 2013). *Borneo Post*.
- Chamil Wariya. (1988). Industri persuratkhabaran dengan tinjauan khusus terhadap *Utusan Melayu*. Dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab, Nordin Hussin, Rupawan Ahmad, Nik Anuar Nik Mahmud & Hj. Wan Rusik Wan Yusoff (Eds.), *Akhbar dan majalah di Malaysia: Sejarah dan perkembangan* (255–267). Jabatan Sejarah, UKM.
- Chen, L. (2007). Analysing attitude: Positive verbal process sub-functions and media bias. *RASK, An International Journal of Language and Communication*, 25, 25–55.
- Dahrendorf, R. (1959). *Class and class conflict in industrial society*. [https://archive.org/stream/classclassconfli00dahr/classclassconfli00dahr\\_djvu.txt](https://archive.org/stream/classclassconfli00dahr/classclassconfli00dahr_djvu.txt)
- Ermawati, S., Hidayatun Nur & Sumarlam. (2022). Analisis wacana kritis terhadap pemberitaan luhut binsar Pandjaitan VS Haris Azhar dan Fatia Maulidiyanti dalam media daring. *Jurnal Sastra Indonesia*, 11(1), 19–26.
- Fairclough, N. (1989). *Language and power*. Longman.
- Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: A critical study of language*. Longman.
- Fernandez, E. S. (2007). Philippine-Malaysia dispute over Sabah: A bibliographic survey. *Asia-Pacific social science review* 7(1). <http://www.dlsu.edu.ph/research/journals/apsr/pdf/200712/4Fernandez.pdf>
- Freeborn, D. (1987). *A course book in English grammar*. Red Globe Press.
- Haig, E. (2001). A study of the application of critical discourse analysis to ecolinguistics and the teaching of eco-literacy. *Studies in Language and Culture*, 22(2), 205–226.
- Halliday, M. A. K. (1979). Modes of meaning and modes of expression: Types of grammatical structure and their determination by different semantic functions. In D. J. Allerton et al. (Eds), *Function and context in linguistic analysis*. Cambridge University Press, 57–79.
- Halliday, M. A. K. (1981). *System and function in language* (2nd ed.). G. Kress (Ed). Oxford University Press.
- Halliday, M. A. K. (1985). *An introduction to functional grammar*. Edward Arnold.
- Halliday, M. A. K. (1994). *An introduction to functional grammar*, (2nd ed.). Edward Arnold.

- Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. M. I. M. (2004). *An introduction to functional grammar* (3rd ed.). Oxford University Press (Hodder Arnold).
- Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. M. I. M. (2014). *An introduction to functional grammar* (4th ed.). Routledge.
- Idris Aman. (2001). *Wacana dan kepemimpinan: Satu analisis terhadap perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad* [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Kadir Mohamad. (2009). *Malaysia's territorial disputes – Two cases at the ICJ: Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore) and Ligitan and Sipadan [and the Sabah claim] Malaysia/Indonesia/Philippines*. Institute of Diplomacy and Foreign Relations, Ministry of Foreign Affairs, Malaysia.
- Kamila Ghazali. (1999). *A critical discourse analysis of the speeches of Dr. Mahathir Mohamad* [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Korpus DBP. (2013). <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/SelectUserCat.aspx>
- McEnery, T., & Hardie, A. (2012). *Corpus linguistics*. Cambridge University Press.
- McEnery, T., & Wilson, A. (2001). *Corpus linguistics: An introduction* (2nd ed.). Edinburgh University Press.
- Miller, C. E. (2005). *A glossary of terms and concepts in peace and conflict studies* M. E. King (Ed.). [www.upeace.org/pdf/glossaryv2.pdf](http://www.upeace.org/pdf/glossaryv2.pdf)
- Mohd Ariff Othman. (1988). *Tuntutan Filipina terhadap Sabah: Implikasi dari segi sejarah, Undang-undang dan politik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Faizal Musa. (2013). Konflik Malaysia-Kesultanan Sulu: The tertius gaudens dan hak-hak pihak dalam pertikaian. *International Journal of the Malay World and civilisation (Iman) 1(2)*, 19–29. [https://www.academia.edu/3988078/Konflik\\_Malaysia-Kesultanan\\_Sulu\\_The\\_Tertius\\_Gaudens\\_dan\\_Hak\\_hak\\_Pihak\\_dalam\\_Pertikaian](https://www.academia.edu/3988078/Konflik_Malaysia-Kesultanan_Sulu_The_Tertius_Gaudens_dan_Hak_hak_Pihak_dalam_Pertikaian)
- Mohd. Foad Sakdan. (2005). *Pengurusan konflik*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Hazmi Mohd Rusli & Maizatun Mustafa. (2014). Sultan of Sulu's Sabah claim: Reminiscence of a 'long-lost' sovereignty. *Journal of Social Science for Policy Implications*, 2(1), 185–189. [http://jsspi.com/journals/jsspi/Vol\\_2\\_No\\_1\\_March\\_2014/11.pdf](http://jsspi.com/journals/jsspi/Vol_2_No_1_March_2014/11.pdf)
- Mohd Hazmi Mohd Rusli & Muhamad Azim Mazlan. (2013). Sultan of Sulu's Sabah claim: A case of 'long-lost' sovereignty? *RSIS COMMENTARIES*. <http://www.rsis.edu.sg/wp-content/uploads/2014/07/CO13043.pdf>
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2009). *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*. Penerbit UKM.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1994). *Bahasa jual beli dalam perniagaan runcit: Satu analisis semantik dan pragmatik* [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

- Oxford English Dictionary Online. (2018). [https://www.lexico.com/definition/oxford\\_english\\_dictionary](https://www.lexico.com/definition/oxford_english_dictionary)
- Penceroboh Lahad Datu didakwa di Mahkamah Tawau. (2013, 21 Mac). *The Malaysian Times*.
- Polis sahkan Datu Amir Bahar Hushin Kiram ditahan di Semporna. (2013, 14 Mac). *Utusan Malaysia*.
- Pruitt, D. G. (1998). Social conflict. In G. Lindzey, D. Gilbert & S. T. Fiske (Eds.), *The handbook of social psychology* (4 ed). McGraw-Hill.
- Rasinger, S. M. (2010). Lithuanian migrants send crime rocketing: Representation of 'new' migrants in regional printed media. *Media, Culture & Society*, 32(6), 1021–1030.
- Reuben, R. C. (2009). The impact of news coverage on conflict: Toward greater understanding. *Marquette Law Review*, 93(1).
- Schmidt, S. M., & Kochan, T. A. (1972). Conflict: toward conceptual clarity. *administrative science quarterly*, 17(3), 359–370. [https://www.academia.edu/530631/Conflict\\_Toward\\_conceptual\\_clarity](https://www.academia.edu/530631/Conflict_Toward_conceptual_clarity)
- Semetko, H. A., & Valkenburg, P. M. (2000). Framing European politics: A content analysis of press and television news. *Journal of Communication*, 50(2), 93–109.
- Siti Nur Ain Mustafa & Mohamad Saifudin Mohamad Saleh. (2018). Pelaporan Berita pencemaran bauksit dalam akhbar dalam talian di Malaysia. *Forum Komunikasi*, 13(1), 57–78.
- Speakman, J., & Ryals, L. (2010). A re-evaluation of conflict theory for the management of multiple, simultaneous conflict episodes. *International Journal of Conflict Management*, 21(2), 186–201. doi: <http://dx.doi.org/10.1108/10444061011037404>
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Basil Blackwell.
- Stubbs, M. (1983). *Discourse analysis: The sociolinguistic analysis of natural language*. Basil Blackwell.
- Syahirah Almuddin, Ahmad Arifin Sapar, Surinderpal Kaur & Mohamad Hussin. (2022). Suara pelarian Syria dalam laporan al-Jazeera. *Al-Dād Journal*, 6(1) 173. DOI: <https://doi.org/10.22452/aldad.vol.no1.9>.
- Tan, J. S. (1994). *Wacana berita sukan dalam akhbar bahasa Melayu: Satu analisis makrostruktur semantik* [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Thomas, K. W. (1992). Conflict and conflict management: Reflections and update. *Journal of Organizational Behaviour*, 13, 265–274.
- van Dijk, T. A. (1993). Principles of critical discourse analysis. *Discourse and society*, 4, 249–283.
- van Leeuwen, T. J. (1996). The representation of social actors. In Carmen Rosa Caldas-Coulthard & Malcolm Coulthard (Eds). *Texts and practices: Readings in critical discourse analysis*. Routledge.